

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUP
LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**SEMPENA
PROGRAM TVET WARRIOR 2.0**

**PADA
7 & 10 NOVEMBER 2025**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia,

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani

I. Yang Berusaha Cik Hjh Intanku Salwa binti Shamsuddin, Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer,

II. Yang Berusaha Pn. Ida Harianti binti Hassan @ Talib, Pengerusi Program TVET Warrior 2.0 dan saudara Muhd Adam bin Sipadi selaku Pengarah Program TVET Warrior 2.0,

III. Ketua-ketua Jabatan, Ketua Kursus dan Ketua Program Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Merlimau Melaka,

IV. Seterusnya para hadirin serta para pelajar yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT atas izinnya dapatlah kita bersama-sama di Majlis Perasmian Penutup PROGRAM TVET WARRIOR 2.0 yang diadakan pada hari ini.
2. Syabas dan tahniah saya tujukan kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang sangat berdedikasi dalam menjayakan penganjuran program ini yang sememangnya amat signifikan dengan keperluan para pelajar pada masa kini.

Para hadirin sekalian,

3. Program yang mempunyai unsur TVET bukanlah suatu perkara yang baharu. Banyak aktiviti TVET telah dilakukan di peringkat Pengajian Tinggi serta Politeknik. Oleh itu, Pendidikan TVET penting sebagai persediaan pelajar khususnya pelajar Politeknik Merlimau Melaka untuk menghadapi cabaran dan berdaya saing bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat global.
4. Program seperti ini diharap dapat diperbanyakkan lagi kerana ia dapat memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan TVET sebagai elemen penting dalam

kehidupan.

5. Program TVET Warrior 2.0 ini juga mampu meningkatkan lagi imej politeknik dalam melahirkan modal insan yang cekap, tahan lasak dan fleksibel bagi menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran kerja setanding graduan IPT yang lain.

Para hadirin sekalian

6. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur atas komitmen dan dedikasi mereka untuk menjayakan program yang sangat

bermanfaat ini.

7. Saya sentiasa menyokong penuh program-program yang mampu memberi impak terhadap pembangunan pelajar di Politeknik ini.
8. Justeru, akhir kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan Majlis Penutupan Program TVET Warrior 2.0 bagi tahun 2025.

Sekian... wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.